



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

---

**PEKELILING PENDAFTAR**

---

**Bilangan 21 Tahun 2021**

**MANUAL KEMUDAHAN PERUBATAN STAF DAN PESARA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

**1.0 TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan memberi pemakluman berkenaan Manual Kemudahan Perubatan Bagi Staf dan Pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM).

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1. Perintah Am Bab F Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai dan pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang menerima pencen serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di hospital/ klinik Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan oleh seseorang pegawai atau pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan atau ahli keluarga mereka yang berkelayakan tidak dapat diperolehi di hospital/ klinik Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut boleh diperolehi di hospital/ klinik/ agensi swasta atas tanggungan Kerajaan tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009.
- 2.2. Sepanjang tempoh pelaksanaan tersebut, terdapat beberapa perubahan dan pindaan yang berlaku berkaitan kemudahan perubatan penjawat awam dan yang telah diterima pakai oleh UiTM yang telah dibuat keputusan dalam :

- i. Mesyuarat Jawatankuasa Hai Ehwai Kakitangan (JKK) UiTM ke-112 pada 15 Januari 2010 telah meluluskan untuk menerimapakai Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 berkaitan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan.
- ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-162 pada 31 Januari 2018 bersetuju meluluskan Garis Panduan Kemudahan Perubatan untuk Ibu Bapa yang Sah kepada Pesara Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang berpencen berkuatkuasa 1 Januari 2018.
- iii. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 pada 15 September 2020 meluluskan penerimaan pakai sepenuhnya Surat Edaran JPA Rujukan JPA.800-6/2/109(6) - Berkaitan Kemudahan Rawatan Dan Perbelanjaan Perubatan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Dan Ibu Bapa Yang Sah.
- iv. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-175 pada 15 September 2020 meluluskan penerimaan pakai Surat Edaran JPA (Rujukan: JPA.Saraan(S)264/15/16-4Jld.14(18) Bertarikh 30 Januari 2015 Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad Disenaraikan Sebagai Alat Bantuan Perubatan.
- v. Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bilangan 58/2021 bertarikh 22 Jun 2021 bersetuju meluluskan cadangan menerima pakai Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM berkuat kuasa 1 Julai 2021.

### **3.0 MANUAL KEMUDAHAN PERUBATAN STAF DAN PESARA UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

- 3.1 Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM disediakan sebagai rujukan staf dan pesara UiTM setelah mengambilkira beberapa perubahan dan penambahbaikan kemudahan perubatan yang telah dilaksanakan oleh

Kerajaan menerusi pekeliling perkhidmatan dan surat edaran yang berkuat kuasa yang telah diterima pakai di UiTM.

3.2 Manual ini dikeluarkan setelah mengambilkira perkara-perkara berikut untuk dijadikan satu sumber rujukan staf dan Pesara UiTM:

- i. Peraturan Am, Bab F (Perubatan) 1974 ;
- ii. Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Bil. 12/2002 berkaitan Garis Panduan Rawatan Susulan di IJN bagi Pesakit Tanggungan Kerajaan ;
- iii. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 berkaitan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan ;
- iv. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2017 Berkaitan Penambahbaikan Peraturan Pelaksanaan Kemudahan Perubatan Berhubung Rawatan Di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd ;
- v. Surat Edaran (Ruj JPA.800-6/2/109 (2)) Jabatan Perkhidmatan Awam bertarikh 22 Disember 2017 berkaitan garis panduan kemudahan perubatan untuk ibu bapa yang sah kepada pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan yang berpencen ;
- vi. Surat Eedaran JPA (Rujukan JPA.800-6/2/109(6) berkaitan Kemudahan Rawatan Dan Perbelanjaan Perubatan Pesara Perkhidmatan Awam Persekutuan Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Dan Ibu Bapa Yang Sah ; dan
- vii. Surat Edaran JPA (Rujukan:JPA.Saraan(S)264/15/16-4Jld.14(18) Bertarikh 30 Januari 2015 Berkaitan Pelaksanaan Penambahbaikan Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan Di Bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 Bagi Pembekalan Alat Bantu Penglihatan Terhad.

3.3 Manual ini juga mengandungi tatacara terkini rujukan staf dan pesara dan boleh dicapai di ***[pendaftar.uitm.edu.my/dpocket](http://pendaftar.uitm.edu.my/dpocket)***.

#### **4.0 PEMAKAIAN**

4.1 Manual Kemudahan Perubatan Staf dan Pesara UiTM ini hendaklah dibaca bersekali dengan peraturan kewangan dan peraturan berkaitan yang berkuatkuasa.

4.2 Pekeliling ini terpakai kepada semua staf dan pesara UiTM.

#### **5.0 TARIKH DIKELUARKAN**

Pekeliling dikeluarkan pada 16 Julai 2021

#### **6.0 TARIKH KUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 Julai 2021



**HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN**  
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada :

Semua Rektor-Rektor UiTM Cawangan  
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit  
Semua Dekan-Dekan Fakulti/Penolong Naib Canselor Kolej Pengajian

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)  
No Siri : 100-BPD(Bil. 21/2021)